



JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA

GARIS PANDUAN & SYARAT-SYARAT PENGAMBILAN PEMBANTU RUMAH ASING (PRA) KEPADA PEGAWAI DAGANG

A) SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PRA

1. Bakal PRA berumur tidak kurang 21 tahun hingga 45 tahun* dan disahkan sihat oleh klinik/hospital perubatan di luar Negara* (jika PRA berada di luar negara).
 2. Permohonan PRA boleh dikemukakan jika PRA:
 - i. Berada di Negara asal dan masuk ke Malaysia menggunakan Visa Dengan Rujukan (VDR) yang diambil dari Pejabat Perwakilan Malaysia di Negara berkenaan.
 - ii. Masuk bersama majikan (Pegawai Dagang)
 - iii. Telah berada di Malaysia.
 3. Permohonan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) Pembantu Rumah Asing boleh dikemukakan oleh majikan (Pegawai Dagang) atau Wakil Syarikat majikan.
 4. Majikan (Pegawai Dagang) **WAJIB** memastikan borang permohonan beserta dokumen yang disertakan adalah teratur dan **BENAR**.
 5. Majikan (Pegawai Dagang) perlu membuat pemeriksaan kesihatan bagi PRA di FOMEMA Sdn. Bhd. sebaik tiba di negara ini **SEBELUM** mengemukakan permohonan PLKS (PRA) di Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia atau Pejabat Imigresen Negeri.
 6. Pembantu Rumah Asing yang **GAGAL PEMERIKSAAN KESIHATAN** tidak dibenarkan bekerja dan Wakil Syarikat / Pegawai Dagang perlu mengurus penghantaran pulang.
-

*Pegawai Dagang yang membawa bersama Pembantu Rumah Asing (PRA) yang sedang bekerja dengannya di negara asal atau di mana-mana negara sebelum datang bekerja dikecualikan daripada syarat umur.

*Yang di iktiraf oleh kerajaan berkenaan